

1977

TEMERLOH, 7 OGOS (BERNAMA) -- TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SRI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMBERIKAN EMPAT PANDUAN PENTING BAGI MENJAMIN BUMIPUTRA BERJAYA DI LAPANGAN PERNIAGAAN.

PANDUAN-PANDUAN TERSEBUT IALAH MEMPUNYAI NILAI KESANGGUPAN BEKERJA KUAT, SANGGUP BEKERJASAMA DENGAN RAKAN-RAKAN PERNIAGAAN UNTUK PERNIAGAAN YANG LEBIH BESAR, MEMPUNYAI PENGURUSAN YANG CEKAP DAN Mencari IDEA-IDEA PERNIAGAAN YANG SESUAI.

BELIAU TELAH BERUCAP MERASMIKAN KONGRES EKONOMI BUMIPUTRA NEGERI PAHANG ANJURAN DEWAN PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN MELAYU MALAYSIA CAWANGAN NEGERI PAHANG DI DEWAN BANDARAN TEMERLOH PAGI INI.

DR. MAHATHIR BERKATA, PENIAGA-PENIAGA BUMIPUTRA HENDAKLAH MENCANTOHI LAIN-LAIN BANGSA SEPERTI JEPUN DAN KOREA SELATAN YANG SEKARANG SEDANG MENINGKAT MAJU DI DALAM PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN.

MENURUTNYA, NEGERI JEPUN YANG MENJADI HANCUR OLEH PERANG DUNIA KEDUA MENCAPAI KEMAJUAN YANG MEMBANGGAKAN BERKAT KESUNGGUHAN RAKYATNYA BEKERJA WALAUPUN NEGARA ITU TIDAK MEMPUNYAI SUMBER EKONOMI SEPERTI DI AMERIKA SYARIKAT.

PENIAGA-PENIAGA BUMIPUTRA JUGA HENDAKLAH SANGGUP MENUBUHKAN PERUSAHAAN BERSAMA DENGAN RAKAN-RAKAN JIKA MAHU PERNIAGAAN MEREKA MENJADI LUAS DAN BESAR. -- BERSAMBUNG 1343/ZCM

## MAHATHIR 2 TEMERLOH

DI SAMPING ITU MEREKA HENDAKLAH MENGHAPUSKAN PERSELISIHAN FAHAM SESAMA RAKAN PERNIAGAAN DAN MEMPUNYAI SIKAP TOLERANSI DAN MENERIMA PENDAPAT YANG KONSENSUS DARIPADA RAKAN-RAKAN MEREKA.

DI SAMPING ITU KATANYA MEREKA MESTILAH MENYEDARI KESILAPAN DIRI SENDIRI YANG MENYABABKAN PERPECAHAN DENGAN RAKAN-RAKAN PERNIAGAAN MEREKA.

MENYEBUT TENTANG PENGURUSAN TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA, KEMAMPUAN BERNIAGA BUKANLAH SATU PERKARA YANG SEMULA JADI SEBALI- NYA HENDAKLAH DIPELAJARI DAN JANGAN MALU UNTUK BEAJAR WALAU HINGGA KEPERINGKAT PALING TINGGI.

KATANYA, CARA PENGURUSAN BERUBAH DARI MASA KE SEMASA DAN SETIAP PENIAGA HENDAKLAH MENGEMASKAN CARA PENGURUSAN MEREKA.

DR. MAHATHIR MENGESYORKAN DEWAN PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN MEN- GADAKAN KURSUS-KURSUS PENGURUSAN BAGI AHLI-AHLINYA UNTUK MENING- GIKAN MUTU PENGURUSAN PERNIAGAAN MEREKA.

BELIAU MENGAKUI BAHAWA BANYAK SYARIKAT YANG DITUBUHKAN OLEH KERAJA# GAGAL KERANA PENGURUSAN YANG KURANG CEKAP.

DR. MAHATHIR MENEGUR PENIAGA-PENIAGA BUMIPUTRA YANG SERING TIDAK TAHU Mencari IDEA-IDEA BARU DAN MEREKUT PELUANG PERNIAGAAN YANG DI- CEBURI OLEH ORANG LAIN. -- BERSAMBUNG 1350/ZCM

B531:

MAHATHIR 3 TEMERLOH

KATANYA, MEREKA TIDAK SEDAR BAHAWA SEMAKIN RAMAI PENIAGA YANG MEREBUT SATU LAPANGAN SAHAJA SEMAKIN KURANG PELANGGAN AKAN DIDAPATI MENYEBABKAN KEUNTUNGAN JUGA BERKURANGAN DI KALANGAN PENIAGA-PENIAGA DI LAPANGAN YANG SAMA ITU.

PENIAGA BUMIPUTRA PERLU MENGAJI PELUANG-PELUANG PERNIAGAAN DI SESUATU TEMPAT SAMA DA BOLEH MENDATANGKAN KEUNTUNGAN ATAU TIDAK.

BELIAU MENYEBUT NEGERI INI MEMPUNYAI TANAH YANG BANYAK TINGGAL KOSONG DIPUNYAI OLEH BUMIPUTRA.

BELIAU BERKATA, JIKA MEREKA MENGGUNAKAN TANAH-TANAH TERSEBUT UNTUK MENANAM BAHAN-BAHAN YANG BOLEH DIJADIKAN PERUSAHAAN SUDAH TENTU MEREKA MENDAPAT KEUNTUNGAN KERANA MEREKA TIDAK PERLU MENYEWAKAN TANAH ATAU MENGAMBIL LESEN-LESEN SEPERTI YANG DILAKUKAN OLEH ORANG-ORANG LAIN.

KATANYA, SEBAGAI CONTOH TANAMAN HALIA MEMPUNYAI POTENSI YANG LUAS UNTUK DIUSAHAKAN SECARA PERNIAGAAN TETAPI AMAT KURANG BUMIPUTRA MEREBUT PELUANG DI LAPANGAN ITU.

BELIAU MENYERU PENIAGA-PENIAGA BUMIPUTRA SUPAYA JANGAN MENUNGGU SAHAJA PERTOLONGAN DARI KERAJAAN TETAPI MEREKA HENDAKLAH MEMPRAKTIKKAN EMPAT GARISAN PANDUAN YANG DISEBUTKANNYA ITU UNTUK MENJAMIN MEREKA BERJAYA DI LAPANGAN PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN. -- PERSAMPUNG 1353/ZCM

EE

B532:

MAHATHIR 4 TEMERLOH

MENTERI BESAR, DATUK MOHAMAD BIN JUSOH TERDAHULU DARI ITU BERKATA KERAJAAN NEGERI TIDAK BERSIFAT PASIF TERHADAP MASALAH-MASALAH BUMIPUTRA.

KATANYA SALAH SATU LANGKAH MENENTUKAN BUMIPUTRA MEMAINKAN PERANAN DI DALAM LAPANGAN EKONOMI JALAH DENGAN MELANTIK DEWAN TERSEBUT MENDUDUKI JAWATANKUASA PENYELARAS DI PERINGKAT NEGERI BAGI MEMBOLEHKAN KERAJAAN NEGERI MEMAHAMI MASALAH PENIAGA-PENIAGA BUMIPUTRA.

TURUT BERUCAP JALAH Pengerusi Dewan itu Tan Sri Haji Yahya Bin Mohamad Seh.

TURUT HADIR JALAH Timbalan Menteri dalam negeri Udatuk Shariff Ahmad, Timbalan Menteri Perhubungan Datuk Ali Shafri dan yang dipertua Dewan Pertiagaan dan Perusahaan Melayu Malaysia Senator Kamarul Ariffin Bin Mohamad Yassin.

SERAMAI 1,000 PESERTA MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM KONGRES SEHARI ITU. -- BERNAMA 1356/ZCM